



**1. JURUTERA TELEKOM PENERBANGAN  
JABATAN PENERBANGAN AWAM  
KEMENTERIAN PERHUBUNGAN  
B.2 EB.3 (\$2,270 - \$4,240 SEBULAN) ATAU  
B.2 (\$2,270 - \$3,760 SEBULAN)  
KEKOSONGAN = 1**

**KELAYAKAN MINIMUM:**

**1. a) TANGGAGAJI B.2 EB.3:**

Ijazah Sarjana Muda atau sebanding dalam bidang kejuruteraan *Electrical and Electronics / Electronics and communications / Telecommunications / komputer* atau bidang bersesuaian.

**ATAU**

**b) TANGGAGAJI B.2:**

i) BDTVEC / BTEC Diploma Tertinggi Kebangsaan (HND) atau sebanding dalam bidang kejuruteraan *Electrical and Electronics / Electronics and Communications / Telecommunications / komputer* atau bidang bersesuaian serta sedang berkhidmat dengan Kerajaan sebagai Ketua Pembantu Teknik dalam tanggagaji C.3 tidak kurang dari 5 tahun.

**ATAU**

ii) Sedang berkhidmat dengan Kerajaan dalam jawatan bersesuaian dalam bidang kejuruteraan *Electrical and Electronics / Electronics and Communications / Telecommunications* atau komputer dalam tanggagaji C.3 tidak kurang dari 9 tahun.

2. Pernah mengikuti latihan pemeliharaan terhadap *Specialist Equipments Lapangan Terbang* seperti *ATC Primary and Secondary Radar/ATM, Meteorological Radar, Transmitter & Receivers, Instrument Landing System* dan lain-lain lagi adalah kelebihan.



## **TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB JURUTERA TELEKOM PENERBANGAN:**

1. Bertanggungjawab mewujudkan pentadbiran yang bersih, cekap, jujur dan penuh amanah serta pemedulian terhadap semua lapisan pegawai/kakitangan di Bahagian Perkhidmatan Telekom Penerbangan.
2. Bertanggungjawab secara langsung kepada Ketua Pegawai Telekom Penerbangan terhadap Operation & Maintenance Management dan Development & Support Management.
3. Merancang, mengurus, mengawal dan menggerak pentadbiran Bahagian Perkhidmatan Telekom Penerbangan seperti menghadapkan rancangan dan anggaran belanjawan, rancangan latihan, rancangan pengambilan kakitangan baru, rancangan mengenai projek-projek pemasangan baru bagi peralatan/sistem, mengawal dan memastikan harta benda kerajaan digunakan dengan betul, memastikan peraturan-peraturan keselamatan bagi kegunaan teknisyen-teknisyen di Unit Kecil berkenaan sentiasa dikaji secara terperinci dan dipatuhi dengan sempurna dan pembekalan alatganti dan sebagainya adalah mencukupi bagi melicinkan perkhidmatan yang diberikan dan menepati kehendak piawaian Pertubuhan Antarabangsa Penerbangan Awam (ICAO) – ANNEX 10" dan berkaitan dengannya.
4. Bersedia mewakili Jabatan bagi menghadiri bersama-sama ahli Suruhanjaya Perkhidmatan Awam di Jabatan Suruhanjaya Perkhidmatan Awam bagi pemilihan calon-calon yang berpotensi dan layak untuk memenuhi jawatan kosong.
5. Sentiasa memastikan taraf pengendalian, pemeliharaan dan penyenggaraan yang dilaksanakan di Unit Kecil berkenaan di Bahagian Perkhidmatan Telekom Penerbangan adalah menepati dan memuaskan. Sehubungan itu juga maintenance procedures dan maintenance year planner bagi peralatan/sistem Lapangan Terbang yang berkenaan perlu disediakan dan dikemaskini dari semasa ke semasa bagi rujukan kerja pengendalian, pemeliharaan dan penyenggaraan. Manakala laporan bulanan bagi peralatan/sistem juga perlu dihadapkan kepada Ketua Pegawai Telekom Penerbangan.



6. Menyelaras dan menghadapkan laporan pemeriksaan penerbangan berkala terhadap peralatan pamaliman dan bantuan pendekatan yang dilaksanakan oleh kumpulan Tentukuran Penerbangan dari Jabatan Penerbangan Awam Malaysia bagi memenuhi dan menepati taraf antarabangsa dan pelaksanaan yang disyorkan kepada pihak berkenaan.
7. Bertanggungjawab bagi pengesahan, pengakuan terhadap peralatan / sistem bari di Unit Kecil berkenaan bagi memenuhi kehendak tawaran spesifikasi dan keperluan pengguna-pengguna di Jabatan Penerbangan Awam.
8. Menghadapkan laporan tahunan bagi kegiatan-kegiatan yang berlaku di sepanjang tahun di Unit Kecil berkenaan kepada Ketua Pegawai Telekom Penerbangan.
9. Berhubung rapat dengan Pertubuhan Antarabangsa Penerbangan Awam (ICAO), Jabatan Telekom dan jabatan-jabatan yang ada hubung kait dengan Bahagian Perkhidmatan Telekom Penerbangan khususnya dan Jabatan Penerbangan Awam amnya.
10. Melaksanakan apa juu tugas-tugas tambahan jika diperlukan oleh bahagian khususnya dan jabatan amnya.